

PM 'berlanggar meja' di Bintulu Ahad ini
Utusan Online
15 September, 2012

BINTULU 14 Sept. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dijadualkan menyertai majlis 'berlanggar meja' pada program rumah terbuka sempena Hari Malaysia Ke-49 di Kampung Assyakirin, di sini Ahad ini.

Ketua Kaum, Pengiran Hamdan Pengiran Kerta berkata, amalan tradisi masyarakat Melanau itu menyaksikan semua tetamu jemputan duduk bersama menikmati hidangan.

"Acara 'berlanggar meja' merupakan salah satu cara untuk merapatkan hubungan antara penduduk.

"Kemuncaknya ialah majlis memotong 'kek kepala meja' berperisa herba dan memukul beduk oleh Perdana Menteri," katanya di sini hari ini.

Sementara itu, Pengiran Hamdan berkata, kira-kira 3,000 penduduk Kampung Assyakirin yang terdiri daripada tiga fasa perkampungan Melayu/Melanau amat teruja menunggu kehadiran pemimpin nombor satu itu.

Katanya, Perdana Menteri dijadualkan tiba pada pukul 4 petang bersama rombongannya yang terdiri daripada Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim.

"Ketibaan akan disambut dengan iringan kumpulan hadrah dan persembahan oleh 20 orang pesilat dan kita jangka rumah terbuka ini bakal dihadiri 10,000 tetamu," katanya.

Sementara itu, Jabatan Penerangan negeri dalam kenyataannya memberitahu, Perdana Menteri akan menghadiri sambutan Hari Malaysia ke-49 di Lapangan Terbang Lama yang turut diserikan dengan kehadiran Yang di-Pertua Negeri, Tun Abang Muhammad Salahuddin Abang Barieng pada pukul 8 malam.

Turut berlangsung ialah penyampaian Anugerah Tokoh Hari Malaysia kepada tiga penerima selain Penyampaian sijil Malaysia Book of Record (MBOR) untuk acara Twitter #Merdeka.

Artikel Penuh: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120915/dn_20/PM-berlanggar-meja-di-Bintulu-Ahad-ini#ixzz2FIN9RUI2

© Utusan Melayu (M) Bhd

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120915/dn_20/PM-berlanggar-meja-di-Bintulu-Ahad-ini